

13/09/2003

`Bajet bukti sukan penting'

Lukman Salleh

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) menyambut baik keputusan Kerajaan untuk menyediakan biasiswa kepada warga sukan bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara bagi membolehkan mereka menjadi jurulatih atau pengurus dalam bidang yang mereka minati.

Setiausaha Kehormat MOM, Datuk Siah Kok Chi berkata, langkah Kerajaan itu dapat merencanakan lagi sukan negara serta membolehkan tenaga tempatan dilatih dalam bidang tertentu yang kurang pakar tempatan ketika ini.

Ia juga dapat meletakkan asas bagi penyediaan jurulatih dan pengurusan bertaraf profesional dan mengurangkan penggantungan kepada tenaga pakar luar negara seperti yang berlaku dalam beberapa sukan ketika ini.

"Saya gembira dan mengalu-alukan keputusan Kerajaan ini," kata Kok Chi ketika dihubungi semalam. "Ini membuktikan Kerajaan tidak pernah mengetepikan sukan dan menganggap ia komponen penting dalam kemajuan dan pembangunan negara.

"Langkah Kerajaan ini memberi peluang kepada ahli sukan untuk menyambung kerjaya sebagai jurulatih atau pengurusan sukan dan kemudian menyumbangkan kepakaran mereka dalam meningkatkan prestasi sukan negara.

"Dengan biasiswa ini kita boleh melatih atlit kita menjadi jurulatih dalam sukan yang kita kekurangan tenaga mahir ketika ini dan kemudian mereka ini boleh menggantikan jurulatih luar negara sekali gus menamatkan penggantungan kepada tenaga luar.

"Justeru, saya amat berharap atlit kita atau jurulatih yang ada sekarang akan mengambil kesempatan daripada langkah sokongan Kerajaan dalam memajukan sukan negara dan memastikan tenaga tempatan boleh mengisi kedudukan ketika ini dimiliki pakar asing."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen semalam, mengumumkan keputusan Kerajaan menyediakan biasiswa untuk warga sukan melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negara bagi membolehkan mereka menjadi jurulatih atau pengurus dalam bidang diminati.

Keputusan itu sebagai menghargai kejayaan ahli sukan yang mengharumkan nama negara dan bagi membolehkan rakyat Malaysia "to walk tall" di persada antarabangsa.

Selain itu, Dr Mahathir turut mengumumkan peruntukan permulaan RM50 juta bagi menyediakan kemudahan seperti taman-taman, padang permainan dan kawasan rekreasi untuk aktiviti seperti jogging bagi meningkatkan kegiatan riadah di kalangan orang ramai, terutama belia.

"Kerajaan sentiasa menitikberatkan cara hidup sihat di kalangan rakyat dan saya rasa dengan peruntukan RM50 juta bagi penyediaan lebih banyak tempat beriadah secara tidak langsung akan meningkatkan lagi aktiviti sukan di negara ini.

`Dengan lebih banyak rakyat dan golongan belia terbabit dalam aktiviti sukan mungkin dapat menanam minat mereka untuk terbabit secara serius dalam sukan dan kemudian bakat mereka boleh digilap untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa.

"Tetapi apa yang penting saya berharap perlu ada implementasi dalam perkara ini kerana jika tidak pihak yang memastikan kawasan riadah ini dikekalkan sukar untuk mencapai maksud itu," kata Kok Chi.

INSENTIF

* Biasiswa untuk menjadi jurulatih dan pengurus

* RM657.9j untuk Kementerian Belia dan Sukan

* RM50j untuk program kemudahan riadah